

Perdagangan Malaysia cecah RM245.2b pada Februari

Malaysia mencatat jumlah perdagangan bernilai RM245.2 bilion pada Februari 2026 dengan eksport dan import masing-masing berjumlah RM131.0 bilion dan RM114.2 bilion, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata eksport meningkat sebanyak RM12.7 bilion atau 10.8 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan eksport dipengaruhi prestasi lebih tinggi di Pulau Pinang dengan pertambahan RM21.2 bilion, diikuti Kuala Lumpur yang meningkat RM198.1 juta dan Perak sebanyak RM108.1 juta," katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, beberapa negeri mencatatkan penurunan eksport, termasuk Selangor yang susut RM3.4 bilion, Sarawak berkurang RM1.1 bilion, Melaka menyusut RM928.2 juta dan Sabah merosot RM743.7 juta.

Negeri lain yang turut mencatatkan penyusutan ialah Kedah sebanyak RM682.1 juta, Pahang (RM505.9 juta), Negeri Sembilan (RM442.0 juta), Kelantan (RM225.3 juta), Johor (RM197.0 juta), Labuan (RM191.9 juta), Terengganu (RM98.0 juta) dan Perlis (RM14.0 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai penyumbang utama eksport negara dengan sumbangan 47.1 peratus, diikuti Johor (17.7 peratus), Selangor (13.8 peratus), Sarawak (5.9 peratus) dan Kuala Lumpur (3.6 peratus).

Mengulas prestasi import, Mohd Uzir berkata, nilai import meningkat RM8.6 bilion atau 8.2 peratus berbanding Februari 2025.

Peningkatan itu didorong pertambahan import di kebanyakan negeri termasuk Pulau Pinang sebanyak RM9.3 bilion, Kedah (RM1.2 bilion) dan Kuala Lumpur (RM1.0 bilion).

Import turut meningkat di Negeri Sembilan sebanyak RM255.4 juta, Labuan (RM140.4 juta), Perak (RM35.9 juta), Terengganu (RM6.8 juta) dan Perlis (RM5.0 juta).

"Namun, nilai import menurun di Melaka sebanyak RM1.1 bilion, Sarawak susut RM645.3 juta, Selangor merosot RM519.8 juta, Pahang berkurang RM472.2 juta, Sabah turun RM66.0 juta, Johor mengecil RM51.4 juta dan Kelantan menyusut RM25.5 juta," katanya.

Pulau Pinang turut mendominasi import negara dengan sumbangan 29.3 peratus, diikuti Selangor (23.5 peratus), Johor (21.7 peratus), Kuala Lumpur (8.4 peratus) dan Kedah (5.4 peratus).

BERNAMA